

Pelaksanaan 5G capai sasaran lebih awal daripada dijadualkan

GAMBAR HIASAN

SHAH ALAM - Pelaksanaan rangkaian 5G berjaya mencapai sasaran lebih awal daripada tempoh dijadualkan dengan jangkauan 40 peratus liputan di kawasan berpenduduk (COPA) seluruh negara menjelang Disember 2022, menurut Digital Nasional Berhad (DNB).

Syarikat pembangun rangkaian itu berkata, penyediaan rangkaian itu juga berada di landasan untuk mencapai komitmen 80 peratus liputan lebih pantas atau menjelang 2024.

Menurutnya, liputan 5G itu bakal dapat dicapai 14 juta penduduk di lokasi rangkaian yang ditetapkan dan melebihi 30 juta penduduk dalam tempoh dua tahun akan datang.

"40 peratus COPA akan dicapai dengan sekitar 3,500 tapak berbanding 4,018 tapak yang dirancang sebelum ini.

"Pengurangan kiraan tapak tersebut berpunca daripada masalah rantaian bekalan pada awal tahun ini, dan kelewatan dalam mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan terutamanya di Selangor dan Sarawak.

"Sebahagian besar masalah ini telah selesai dan rangkaian DNB akan terus dilaksanakan secara progresif pada 2023 sebagaimana yang dirancang," jelas DNB dalam satu kenyataan.

Bagi mengatasi kelewatan tersebut dan mencapai 40 peratus COPA, DNB memaklumkan telah mengubah hala pelaksanaan ke negeri yang sebelum ini dijadualkan pada 2023 dan seterusnya.

Buat masa ini, rangkaian 5G Malaysia meliputi hampir keseluruhan Wilayah

Persekutuan, Putrajaya dan Selangor, selain kawasan-kawasan utama di Pulau Pinang, Johor dan Negeri Sembilan serta sebahagian Melaka, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak.


Ketua Ericsson Malaysia, Sri Lanka dan Bangladesh, David Hägerbro berkata, pelaksanaan rangkaian 5G untuk DNB merupakan antara terpanas di dunia kerana pelaksanaannya baru saja dimulakan pada Oktober 2021.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi DNB, Nasution Mohamed berkata, beliau yakin usaha mempercepatkan pelaksanaan rangkaian kepada sebanyak 80 peratus COPA itu bakal dicapai dalam tempoh 18 bulan akan datang dengan sokongan dan kelulusan diperlukan daripada pelbagai pihak berkuasa negeri dan tempatan.

DNB memaklumkan, setakat ini lima daripada enam Operator Rangkaian Mudah Alih (MNO) di Malaysia yang secara kolektif mempunyai lebih 20 juta pelanggan iaitu telah mula menyediakan perkhidmatan runcit 5G kepada pengguna akhir mereka.

"Bagaimanapun, pelanggan Maxis masih belum dapat mengakses perkhidmatan 5G buat masa ini sementara menunggu kelulusan para pemegang saham untuk melaksanakan Perjanjian Akses 5G yang dijangka akan berlangsung sekitar Januari 2023," katanya.

DNB berkata, perusahaan di dalam negara akan menjadi penerima manfaat utama hasil daripada pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia.



Pelaksanaan rangkaian 5G di dalam negara berada di landasan untuk mencapai komitmen 80 peratus liputan COPA dengan lebih pantas atau menjelang 2024.

Ujarnya, kesan 5G terhadap produktiviti, kecekapan dan inovasi diunjurkan akan menghasilkan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkumpul kira-kira RM650 bilion dan mewujudkan 750,000 pekerjaan bernilai tinggi bermula sekarang hingga 2030.

"Sementara itu, perkhidmatan digital yang didayakan 5G akan mewujudkan pelbagai peluang baharu merentasi berbilang industri di Malaysia, termasuk tenaga, pembuatan, peruncitan, pembinaan, penjagaan kesihatan, logistik, pertanian dan sebagainya," jelas kenyataan itu lagi.

Menurut DNB, sesi libat urus dengan pihak industri bersama-sama MNO juga dilakukan dalam melaksanakan pe-

nyelesaian rangkaian persendirian itu sebagai cara menyampaikan kes penggunaan dan perkhidmatan berdaya 5G ini.

Antara contoh sesi yang diadakan termasuklah dengan Intel dan Petronas selain beberapa entiti lain di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Pada masa sama, DNB turut menyatakan Laporan Pasukan Petugas 5G Kebangsaan menjangkakan ekonomi Malaysia akan mengalami pertumbuhan pesat menjelang 2030 berikutan pelaksanaan 5G.

"5G dianggarkan bakal menyumbang RM8.538 bilion kepada KDNK Malaysia pada 2025, dengan senario pertumbuhan tahunan sebanyak lapan peratus," ujar kenyataan berkenaan.